

13/05/2002

Banyak pelajar Melayu ambil jurusan sastera

ISU siswazah menganggur hangat diperkatakan sekarang. Berdasarkan perangkaan, tidak kurang 40,000 graduan keluar dari institusi pengajian tinggi (IPT) awam setiap tahun. Ini belum lagi graduan keluaran institusi pengajian tinggi swasta.

Sehingga Mac lalu, 24,728 siswazah mendaftar dalam Skim Siswazah Menganggur.

Daripada jumlah itu, 12,023 ditempatkan di pelbagai agensi kerajaan.

Apa yang paling menyedihkan hampir 94 peratus siswazah adalah graduan Melayu.

Perdana Menteri sendiri sedih dan kecewa dengan perkara itu kerana terlalu ramai graduan Melayu yang menganggur.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah sesuatu yang menghairankan mengapa ia berlaku, tetapi kerajaan mengenal pasti antara puncanya ialah kebanyakan mereka lulus pengajian yang tidak mempunyai kaitan dengan banyak bidang pekerjaan.

"Saya hairan (mereka) ini daripada lulusan IPT. Kenapa? Kita nak tahu. Kerajaan mendapati bahawa mereka lulus dalam bidang yang tidak ada kaitan dengan pasaran kerja seperti mengambil jurusan sastera dan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata, selain itu, ramai graduan Melayu lulusan IPT menganggur kerana memilih jurusan yang tidak bernilai dan tidak mahir dalam penguasaan bahasa Inggeris.

Katanya, pencinta bahasa kebangsaan juga mungkin marah, tetapi jenis pekerjaan yang diwujudkan industri tertentu terutama yang dimiliki rakyat asing memerlukan kefasihan dalam bahasa Inggeris.

"Mempelajari bahasa Inggeris bukan bermakna menolak bahasa sendiri. Pada zaman ini penguasaan satu bahasa saja tidak mencukupi. Setiap orang mesti menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa.

"Pada masa sama, kita tidak menafikan mata pelajaran sastera dan agama adalah penting tetapi hakikatnya ialah peluang pekerjaan bagi bidang ini tidak begitu banyak sedangkan mereka ini begitu ramai.

"Kita tidak boleh adakan peluang kerja semata-mata kerana ramai yang lulus dalam bidang yang tidak penting," katanya.

Dr Mahathir berkata, peluang pekerjaan bagi lulusan kedua-dua kursus berkenaan adalah terhad kepada bidang perguruan saja.

Mengikut perangkaan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, 31.1 peratus graduan menganggur adalah yang mengambil jurusan sastera. Ini diikuti oleh pelajar yang mengambil jurusan ekonomi sebanyak 11.3 peratus, perakaunan (9.2 peratus), pentadbiran perniagaan (8.8 peratus) dan pengajian Islam (8.6 peratus).

Graduan yang paling kurang menganggur adalah daripada jurusan sains sebanyak 7.8 peratus dan kejuruteraan (5.5 peratus).

Berdasarkan perangkaan di atas dan hakikat bahawa pelajar Melayu paling ramai mengambil jurusan sastera dan agama, secara relatifnya memang logik mereka yang mengambil bidang itu paling ramai menganggur.

Oleh kerana pasaran pekerjaan dalam bidang itu terhad, maka pelajar Melayu yang mengambil bidang berkenaan perlu melengkapkan diri dengan kemahiran lain bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran pekerjaan apabila tamat pengajian nanti.

Selain, salah memilih kursus dan kurang menguasai bahasa Inggeris, graduan Melayu turut kecundang untuk mendapat pekerjaan kerana wujud

diskriminasi kaum. Ada syarikat lebih menetapkan syarat penguasaan bahasa Cina dalam pengambilan pekerja mereka.

Tidak dinafikan juga, ada graduan yang memilih kerja sama ada kurang sesuai atau gaji yang ditawarkan tidak setimpal dengan ijazah mereka.

(END)